

Socioeconomic Class And Self Concept Variables (Part 2)

Norrafidah Binti Wahid

2.0 KELAS SOSIAL

2.1 Definisi Kelas Sosial

Kelas sosial tidak berbeza dengan status sosioekonomi. Kelas sosial itu merupakan satu aspek dalam dalam sosial yang mengkaji mengenai sesuatu masyarakat itu berada. Kelas sosial secara umumnya dapat dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu kelas atasan, kelas menengah dan kelas bawahan. Ketiga-tiga kelas sosial ini bukan sahaja boleh dibezakan pada asasnya dari segi hubungan kelas-kelas ini dengan sumber-sumber pengeluaran tetapi juga dari segi kelainan fungsi ekonomi dalam masyarakat.

Menurut Giddens(1979) telah menggabungkan kedudukan kelas-kelas sosial melalui idea-idea Karl Marx dan Marx Weber adalah seperti berikut :

- a. Kelas atasan memiliki sumber-sumber pengeluaran dan memegang peranan ekonomi sebagai pentadbir.
- b. Kelas menengah memiliki kelayakan pendidikan atau latihan teknikal. Memegang peranan sebagai pekerja kolar putih (pengurusan dan pentadbiran).
- c. Kelas bawahan memiliki tenaga fizikal dan menjadi buruh dalam sistem pengeluaran Barangan dan perkhidmatan.

Secara keseluruhannya, kelas sosial atau status sosioekonomi merujuk kepada kedudukan individu atau keluarga dalam hierarki sosial masyarakat. Indeks yang sering digunakan dalam penyelidikan untuk menentukan status sosioekonomi individu dalam masyarakat ialah pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan. Selain daripada pendapatan bapa, pendapatan ibu dan ahli keluarga juga turut diambil kira dalam mengklasifikasikan kelas sosial individu atau masyarakat tertentu .

2.2 Perbezaan Kelas Sosial

Kehidupan kanak-kanak dari mula mereka dilahirkan ke dunia ini banyak dipengaruhi oleh kelas sosial , latar belakang kebudayaan dan status sosioekonomi. Golongan kelas sosioekonomi bawahan mempunyai kadar yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan golongan kelas atasan dan pertengahan dalam beberapa perkara. Antara perkara-perkara berikut ialah kelahiran bayi pramatang, berat bayi yang terendah, kadar kematian dan penyakit. Golongan individu yang berada pada status sosioekonomi yang rendah juga mengalami kesan-kesan kemiskinan. Oleh kerana mereka menghadapi masalah kekurangan kewangan, ditambah pula dengan kemiskinan , kanak-kanak daripada kelas sosial bawahan ini berkemungkinan akan mengalami ketidakseimbangan zat makanan dan seterusnya menyebabkan kesihatan mereka terganggu.

Selain daripada kemiskinan, kanak-kanak daripada status sosioekonomi rendah ini juga menghadapi pelbagai masalah dalam dunia pembelajaran. Murid-murid daripada kelas sosioekonomi bawahan menunjukkan prestasi akademik yang lebih rendah daripada murid-murid yang berstatus sosioekonomi atasan dan pertengahan. Secara umumnya, murid-murid dalam kumpulan yang berjaya adalah daripada golongan kelas sosial atasan jika dibandingkan dengan murid-murid daripada kumpulan gagal yang kebanyakannya terdiri daripada golongan kelas sosial bawahan. Murid-murid daripada kumpulan sosioekonomi bawahan juga turut cenderung menunjukkan prestasi lemah. Berbeza dengan kumpulan murid-murid yang berstatus sosioekonomi atasan dan pertengahan. Mereka menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pembelajaran mereka. Prestasi kanak-kanak daripada kelas sosial bawahan atau berstatus sosioekonomi rendah adalah jauh lebih rendah daripada golongan kanak-kanak dari kelas sosial menengah atau pertengahan disebabkan oleh kekurangan kemudahan pembelajaran di rumah. Kemiskinan hidup menyebabkan ibubapa daripada golongan kelas sosial bawahan tidak mampu membeli kemudahan pembelajaran yang terbaik untuk mereka kerana kesempitan wang. Pembentukan konsep diri yang negatif, tahap motivasi yang rendah dan perkembangan intelek yang terhad di kalangan murid-murid daripada golongan kelas sosial bawahan turut menjadi punca-punca kemerosotan akademik dan mereka tentunya tidak dapat menyaingi kecemerlangan murid-murid lain sekiranya tiada membuat sebarang perubahan untuk memajukan diri sendiri.

Continue...